

26/05/2003

PM cabar rakyat rentasi Antartika

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mencadangkan supaya rakyat Malaysia tampil merentasi Antartika, benua paling sejuk di dunia dengan berjalan kaki bagi melakar satu lagi kejayaan negara.

Perdana Menteri berkata, cabaran itu boleh dilakukan generasi muda negara dengan mengambil contoh kejayaan sama pernah dicapai rakyat Scotland dan banyak negara lain.

"Walaupun kita datang daripada kawasan (beriklim) panas, ini tidak bermakna kita tidak boleh mengatasi kesejukan di Antartika. Memang (percubaan) ini bahaya.

"(Tetapi) hidup dalam dunia ini bahaya ada bila-bila masa saja. Kita bawa kereta pun boleh kemalangan dan mungkin kita terus meninggal.

Lebih-

lebih lagi kalau kita mabuk atau gian dengan dadah, selepas itu bawa kereta, itu lebih bahaya.

"Sebaliknya, kalau kita menghadapi cabaran ini, ia menjadikan semangat dan tubuh badan kita menjadi begitu kuat dan kita akan berasa puas hati dengan kejayaan kita. Negara juga akan menyanjung tinggi kebolehan kita,"

katanya pada sidang media selepas meraikan kejayaan perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin di Jeti Kuah, di sini.

Beliau ditanya mengenai bentuk cabaran lain yang beliau mahu generasi muda lakukan, selain beberapa siri kejayaan yang dicipta rakyat Malaysia sebelum ini seperti pelayar negara, Datuk Azhar Mansor dan terbaru, Abdul Malik.

Abdul Malik, 28, yang berlepas dari Kuala Perlis pada 9.45 malam semalam, tiba di sini pada 11.48 pagi semalam untuk mencatat masa 14 jam

3 minit dan 13 saat bagi laluan sejauh 48 kilometer itu. Ia adalah sebahagian persiapan beliau sebelum berenang merentasi Selat Inggeris pada

Julai atau Ogos ini.

Dr Mahathir seterusnya mencabar generasi muda supaya meningkatkan tahap disiplin dan latihan untuk berjaya dalam sebarang pertandingan berbekalkan semangat 'Malaysia Boleh'.

"Ya, ramai orang cakap 'Malaysia Boleh' tetapi kalau hendak betul-betul boleh, kita kena latih diri, kawal diri (dan) tak bolehlah senang-lenang, menang begitu saja.

"Saya lihat pelumba basikal dari luar negara yang ambil bahagian dalam Le Tour de Langkawi begitu berdisiplin sekali. Semasa tidak berlumba, mereka tidak habiskan masa bermain. (Sebaliknya) mereka betul-betul berehat atau jaga basikal mereka.

"Mereka betul-betul serius sebab itu mereka menang tetapi kalau kita ingat hendak lawan masa itu kita cubalah berlatih sikit-sikit, tak

mungkin

kita berjaya," katanya.

Terdahulu ketika menyambut ketibaan Abdul Malik, Perdana Menteri mencabar generasi muda negara mencipta rekod dunia berdasarkan kemampuan rakyat Malaysia sebelum ini mencipta beberapa kejayaan bertaraf dunia termasuk mendaki Gunung Everest, belayar solo mengelilingi dunia dan lumba lasak berkuda.

"Saya berharap pencapaian Abdul Malik (yang berjaya merentasi Selat Melaka dari Kuala Perlis ke Langkawi) menjadi teladan kepada generasi muda, dan saya cabar generasi muda untuk meningkatkan pencapaian negara.

Dr Mahathir berkata Abdul Malik berlatih lebih tiga tahun dengan berenang hampir setiap hari termasuk di lautan sejuk.

"Alhamdulillah, hari ini (semalam) kita dapat lihat hasilnya. Bukan mudah berenang 48km daripada malam tadi (semalam) dengan tidak tidur dan makan terhad, tapi dia bersemangat tinggi untuk meneruskan renangnya.

Dia

berenang dengan kadar 58 kuak dalam satu minit.

"Malah, Abdul Malik dengan semangat dan kepercayaan yang tinggi telah menamatkan cabarannya hampir empat jam lebih awal," kata Dr Mahathir, yang

juga Penaung Cabaran Selat Inggeris 2003 yang akan disertai Abdul Malik.

Perdana Menteri berkata walaupun Abdul Malik berenang dalam sangkar bagi

mengelakkannya disengat obor-obor, jangan sesiapa fikir dia pegang sangkar

dan hanya ditarik.

"Saya sendiri lihat dia berenang bebas dalam sangkar," katanya.

Dr Mahathir, yang melepaskan renangan Abdul Malik dari Kuala Perlis jam

9.45 malam semalam, menaiki sebuah bot untuk meninjau perkembangan perenang itu.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Abdul Malik, Perdana Menteri berharap

kejayaannya itu menjadi teladan kepada rakyat terutama generasi muda.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada jurulatih Abdul Malik dan penganjur cabaran kali ini.

Peringkat akhir renangan akhir Abdul Malik dan majlis sambutan untuk beliau di di sini, disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Ketika diwawancara RTM di majlis sambutan itu, Dr Mahathir berkata banyak lagi aktiviti mencabar boleh disertai generasi muda untuk mencapai

kejayaan bertaraf dunia jika mereka berminat dan tekun mencuba.

Katanya, hanya bangsa yang berani menghadapi sekali gus mengatasi cabaran akan mencapai kejayaan.